



**MALAYSIA  
MADANI**

**INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

# **BULETIN INSTUN**



**Menarik di Dalam!**

**Program Pedoman Suria Kedudukan Kaabah melalui Bayang Matahari dan Cerapan Matahari**

**Kursus Pengurusan Notis di Bawah Perundangan Tanah**

**Kerja Pemindahan Aset Alih di sekitar INSTUN**

eISSN 3120-3302



**MEI 2026**

## **HAKCIPTA TERPELIHARA**

**@ Institut Tanah dan Ukur Negara  
Terbitan 2026**

Tiada mana-mana bahagian daripada buletin ini yang boleh disiarkan semula dalam sebarang bentuk dan dengan apa cara sekalipun termasuklah elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin bertulis daripada Penerbit Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN).

Buletin INSTUN diterbitkan secara bulanan dalam format digital.

### **Diterbitkan oleh**

Institut Tanah & Ukur Negara (INSTUN)  
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)  
35950 Tanjung Malim  
Perak Darul Ridzuan

No. Tel : 05-448 7000  
No. Fax : 05-448 7011  
Laman sesawang : [www.instun.gov.my](http://www.instun.gov.my)



## **SIDANG REDAKSI**

### **PENAUNG**

**TUAN KHAIRIN NAZRY BIN KARIM**

### **PENASIHAT**

**ENCIK ZULHASMI BIN MOHAMAD**

### **KETUA EDITOR**

**CIK NORIMAH BINTI WAHAB**

### **PEREKAAN & GRAFIK**

**ENCIK MOHD SHAHERI BIN MOHD NAZERI**

### **SIDANG EDITOR**

**UKP BPP**

**UKP BPPT**

**UKP BUP**

**UKP BTM**

**UKP INSTUN**

## **DARI KETUA EDITOR**

Syukur ke hadrat Allah s.w.t, buletin INSTUN 2026 bagi bulan Mei telah berjaya diterbitkan. Antara tujuan utama penerbitan buletin instun ini adalah untuk melaporkan aktiviti- aktiviti yang telah dijalankan di INSTUN sepanjang bulan Mei. Ia jugak adalah sebagai satu platform saluran maklumat yang boleh dikongsi bersama tentang informasi aktiviti yang telah dijalankan selari dengan perancangan di dalam takwin INSTUN khususnya.

Diharapkan penerbitan buletin ini akan menjadikan peransang kepada semua pegawai, khususnya penyelaras yang melaksanakan Aktiviti supaya menghantar laporan aktiviti penyelaras buletin Jabatan untuk dijadikan sebagai satu penerbitan. Tahniah sekali lagi kepada sidang editor buletin INSTUN pada kali ini. Diharapkan usaha ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**NORIMAH BINTI WAHAB**

# ISI KANDUNGAN

## MUKA SURAT

### Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP)

Program Pedoman Suria Kedudukan Kaabah melalui Bayang Matahari dan Cerapan Matahari bersama Yb Salina Binti Samsudin (Adun Behrang) di Institut Tanah Dan Ukur Negara	1-2
Program Lawatan Sambil Belajar SABK Maahad Al-Tarbiah Al-Islamiah, Changkat Jering di Institut Tanah Dan Ukur Negara (INSTUN)	3
UKE09/26: Kursus dalam Talian: Pemetaan Utiliti Bawah Tanah dan Pengurusan Data Utiliti	4
Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP) Projek Kajian Penyediaan Pelan Warta Multidimensi Bagi Infrastruktur Berlapis Menggunakan Terrestrial Laser Scanning (TLS) Bilangan 1 Tahun 2026	5
Sesi Post-Mortem Audit Dalaman MS ISO 9001:2015 Tahun 2026	6
Kursus Falak Pengenalan Kitab Makhluqat Siri 3 dan Penentuan Waktu Solat, Arah Kiblat, Takwim Dan Cerapan Malam	7
Kursus Pengenalan Kepada Teknologi Light Detection And Ranging (LIDAR) (UPE06/26)	8
Kursus GNSS dan UAS dalam Precision Farming Anjuran UPSI bersama INSTUN	9-10
UKE07/26: Kursus Dalam Talian: Pengukuran Strata dan Prosedur Kerja	11
UK02/26: Kursus Penggunaan <i>Alat Total Station</i> dan Pelarasan Pengukuran – Siri 1	12
Sesi Perbincangan Semakan Semula <i>Job Description (JD)</i> BUP Tahun 2026	13
Mesyuarat Tapak RPTO Bil. 1/2026 INSTUN Balai Cerap Tan Sri Harussani, INSTUN	14

### Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah (BPPT)

Kursus Pengurusan Notis di Bawah Perundangan Tanah	15
Kursus Prosedur Pelupusan Tanah: Akta, Peraturan dan Garis Panduan Anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak	16
Kursus Asas Pemilikan Tanah	17
Kursus Pindah Milik Tanah (Keperluan Dan Prosedur) dan Kursus Tanah Rizab Melayu (Apa Yang Boleh dan Tidak Boleh) bagi Pejabat Daerah dan Tanah Pendang	18
Kursus Dalam Talian: Lot Lidi – Implikasi kepada Pembeli (TKE06/26)	19
Kursus Pengurusan Harta Pusaka di bawah Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (TL10/26)	20
Kursus Khas Tanah Bagi Anggota Pentadbiran Tanah: Penolong Pegawai Tanah Bilangan 1	21
Kursus Pengurusan Notis Di Bawah Perundangan Tanah (TL16/26)	22
Kursus Dalam Talian : Kursus Pentadbiran Tanah Negeri Sabah	23

### Bahagian Teknologi Maklumat (BTM)

Kursus Atas Talian : Kursus Pengenalan MyLand (TME03/26)	24-25
TME05/26   Kursus Dalam Talian: Sistem Myland - Modul Online Kementerian/Jabatan Pengguna (KJP)	26

### Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (BPP)

Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) INSTUN Bilangan Tahun 2026	27-28
--	-------

### Bahagian Pentadbiran dan Kewangan (BPK)

Bengkel Penggunaan Sistem Pengurusan Fasiliti Bersepadu (MyINFRA) Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) Tahun 2026	29
Bengkel Keselamatan dan E-Vetting 3.0 Serta Pembukaan Akaun/Permohonan Tapisan Keselamatan Kakitangan dan Kontraktor di Institut Tanah Dan Ukur Negara (INSTUN)	30
Kerja Pemindahan Aset Alih di sekitar INSTUN	31
Sesi Pemeriksaan Aset	32
Sesi Semakan SKU INSTUN 2026	33

## **Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP)**

### **Program Pedoman Suria Kedudukan Kaabah melalui Bayang Matahari dan Cerapan Matahari bersama Yb Salina Binti Samsudin (Adun Behrang) di Institut Tanah Dan Ukur Negara**

**TARIKH** : 5 Mei 2026

**TEMPAT** : Balai Cerap Tan Sri Harussani (TSHO), INSTUN

**RINGKASAN PROGRAM** :

Tujuan: Memberi pendedahan tentang penentuan arah kiblat melalui bayang matahari dan berkongsikan pengalaman menjalankan cerapan matahari dengan menggunakan teleskop bersama pemimpin setempat dan kakitangan INSTUN.

Program ini telah pun dilaksanakan dengan jayanya dengan penglibatan kakitangan INSTUN yang telah bermula pada jam 9.00 pagi dan berakhir sekitar jam 12.30 tengah hari. Di dalam program ini, YB Salina dan hadirin diberi peluang untuk melakukan cerapan matahari menggunakan beberapa teleskop selain didedahkan dengan peralatan teleskop yang tersedia di Balai Cerap Tan Sri Harussani. Pada masa yang sama, perkongsian berkaitan penentuan arah kiblat juga turut disampaikan di dalam aktiviti yang diadakan di ruang atas balai cerap.

Bahagian Ukur dan Pemetaan, INSTUN merakamkan penghargaan kepada YB Puan Salina binti Samsudin di atas kesudian meluangkan masa bersama sebahagian warga INSTUN, sekaligus menyerikan lagi program ini. Semoga melalui program ini, seluruh hadirin memperoleh manfaat dalam kehidupan seharian.





## BUP

### Program Lawatan Sambil Belajar SABK Maahad Al-Tarbiah Al-Islamiah, Changkat Jering di Institut Tanah Dan Ukur Negara (INSTUN)

**TARIKH** : 6 Mei 2026

**TEMPAT** : Balai Cerap Tan Sri Harussani, INSTUN

**RINGKASAN PROGRAM** :

Memberi pendedahan tentang cabang bidang falak kepada pelajar ahli persatuan falak SABK Maahad Al-Tarbiah Al-Islamiah.

Rombongan pelawat dari SABK Al-Tarbiah Al-Islamiah telah tiba di Balai Cerap Tan Sri Harussani, INSTUN sekitar jam 10.00 pagi. Ketibaan dengan menaiki bas itu telah disambut oleh kakitangan dari Bahagian Ukur dan Pemetaan, INSTUN di ruang menyambut tetamu Balai Cerap Tan Sri Harussani. Kehadiran guru-guru dan pelajar seramai 35 orang telah diisi dengan aktiviti cerapan matahari serta perkongsian pengetahuan berkaitan bidang falak. Para guru dan pelajar turut dibawa ke ruang auditorium, ruang cerapan serta galeri yang terdapat di TSHO.

Bahagian Ukur dan Pemetaan INSTUN mengucapkan terima kasih kepada rombongan dari SABK Al-Tarbiah Al-Islamiah kerana sudi datang dan mengisi ruang masa di TSHO ini. Semoga melalui program ini, kita semua memperoleh manfaat dan kebaikan yang berterusan.



# BUK

## UKE09/26: Kursus dalam Talian: Pemetaan Utiliti Bawah Tanah dan Pengurusan Data Utiliti

**TARIKH** : 5 Mei 2026

**TEMPAT** : Secara dalam Talian

**RINGKASAN PROGRAM** :

Kursus ini bertujuan untuk memberi kefahaman secara teori mengenai prinsip asas pemetaan utiliti bawah tanah, kaedah pengukuran dan isu-isu berkaitan di lapangan dan pemprosesan data serta penghasilan peta/pelan utiliti bawah tanah. Semoga dengan penganjuran kursus ini dapat memberi manfaat dan membantu dalam melaksanakan proses kerja semasa yang berkuatkuasa serta dapat meningkatkan kemahiran diri dan pengetahuan secara amnya.

The screenshot displays a Zoom meeting interface with two presentations. The top presentation, titled "PENGENALAN (KEPERLUAN)", lists the following points:

- Laluan kabel dan paip bawah tanah terutama di kawasan bandar semakin padat.
- Tiada pihak yang memantau bagi mengelakkan sebarang musibah.
- Kerja pengorekkan dan penanaman kabel/paip tidak dipetakan.
- Bagi mengelakkan kemalangan yang melibatkan nyawa dan kerosakan aset utiliti sedia ada.
- Bagi mengelakkan pertambahan kos semasa kerja-kerja pengorekkan jalan.
- Sebagai maklumat awalan sebelum kerja-kerja pengorekkan.

The bottom presentation is a title slide for "KERJA-KERJA PENGESAHAN DAN PENGUKURAN PEMETAAN UTILITI BAWAH TANAH" by JUPEM, presented by Sr MOHD HARRIS HAFIZI BIN MOHD SHAHIDAN, BAHAGIAN PEMETAAN UTILITI, JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA, on 05 Mei 2026.

## BUP

### **Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP) Projek Kajian Penyediaan Pelan Warta Multidimensi Bagi Infrastruktur Berlapis Menggunakan Terrestrial Laser Scanning (TLS) Bilangan 1 Tahun 2026**

**TARIKH** : 6 Mei 2026

**TEMPAT** : Bilik Mesyuarat Perpustakaan, INSTUN

**RINGKASAN  
PROGRAM** :

Satu perbincangan berkaitan kajian penyediaan pelan warta multidimensi bagi infrastruktur berlapis menggunakan terrestrial laser scanning (TLS) telah diadakan bersama pegawai dari JUPEM.



# BUP

## Sesi Post-Mortem Audit Dalaman MS ISO 9001:2015 Tahun 2026

**TARIKH** : 8 Mei 2026

**TEMPAT** : Pusat Kecemerlangan Ukur Kadaster (PKUK)

**RINGKASAN PROGRAM** :

Sesi Post-Mortem Audit Dalaman MS ISO 9001:2015 Tahun 2026 telah diadakan melibatkan semua pegawai dan kakitangan BUP bagi membentangkan hasil dapatan audit dalaman INSTUN yang melibatkan NCR di BUP.



## BUP

### Kursus Falak Pengenalan Kitab Makhluqat Siri 3 dan Penentuan Waktu Solat, Arah Kiblat, Takwim Dan Cerapan Malam

**TARIKH** : 12 - 14 Mei 2026

**TEMPAT** : Pusat Kecemerlangan Ukur Geodetik dan Dewan Kuliah Induksi

**RINGKASAN PROGRAM** :

Memberi pendedahan ilmu falak berdasarkan kitab Makhluqat wa Ghara'ib Al Maujudat kepada guru-guru serta pendidikan falak untuk tujuan ibadah kepada pelajar sekolah di negeri Perak. Penglibatan: Guru-guru dan pelajar sekolah peringkat menengah di dalam negeri Perak

Kursus ini telah dijalankan selama tiga hari dua malam di dua bilik yang berbeza selain di Balai Cerap Tan Sri Harussani. Al Fadil Ustz. Hanafiah bin Abd. Razak telah menyampaikan syarahan berdasarkan kitab Makhluqat wa Ghara'ib Al Maujudat. Manakala para pelajar sekolah telah menerima syarahan daripada pegawai di Jabatan Mufti Negeri Perak.

Bahagian Ukur dan Pemetaan INSTUN merakamkan penghargaan kepada kesemua peserta di atas komitmen yang ditunjukkan sepanjang kursus dijalankan dengan sentiasa memberikan yang terbaik untuk memperoleh pengetahuan berkaitan bidang-bidang falak. Terima kasih juga kepada Jabatan Mufti Negeri Perak kerana memainkan peranan penting dalam usaha memberikan pendidikan kepada masyarakat di dalam Negeri Perak.



# BUP

## Kursus Pengenalan Kepada Teknologi Light Detection And Ranging (LIDAR) (UPE06/26)

**TARIKH** : 12 Mei 2026

**TEMPAT** : Secara Atas Talian

**RINGKASAN  
PROGRAM** :

Memberi pendedahan kepada 62 orang peserta mengenai teknologi LiDAR yang semakin meluas digunakan dalam bidang ukur dan pemetaan, pengurusan sumber asli, perancangan bandar serta pembangunan infrastruktur disamping meningkatkan kefahaman peserta terhadap konsep, prinsip operasi dan potensi penggunaan teknologi LiDAR dalam pengumpulan data geospasial yang berketepatan tinggi.

Sepanjang kursus, peserta telah mempelajari konsep asas teknologi Light Detection and Ranging (LiDAR), termasuk prinsip pengoperasian sistem LiDAR, komponen utama yang terlibat dalam pemerolehan data serta sumber-sumber data yang digunakan dalam pengumpulan maklumat geospasial. Peserta turut didedahkan kepada jenis-jenis data LiDAR dan kepentingannya dalam menyokong pelbagai aktiviti ukur, pemetaan dan pengurusan maklumat spatial.

Selain itu, peserta memperoleh pengetahuan mengenai proses pemrosesan data LiDAR, bermula daripada pengurusan data mentah sehingga penghasilan maklumat geospasial yang boleh digunakan untuk tujuan analisis dan pemetaan. Pendedahan terhadap kaedah pemrosesan dan interpretasi data ini membolehkan peserta memahami aliran kerja teknologi LiDAR secara menyeluruh serta meningkatkan keupayaan mereka untuk mengaplikasikan teknologi tersebut dalam pelaksanaan tugas berkaitan ukur dan pemetaan dengan lebih cekap dan berkesan.



## BUP

### **Kursus GNSS dan UAS dalam Precision Farming** **Anjuran UPSI bersama INSTUN**

**TARIKH** : 11-14 Mei 2026

**TEMPAT** : Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

**RINGKASAN  
PROGRAM** :

Program ini memberi pendedahan berkaitan teknologi GNSS, UAS (*drone*), *handheld* GNSS serta aplikasi *Precision Farming* yang kini semakin penting dalam bidang pemetaan, geospasial dan pertanian moden.

Sepanjang kursus berlangsung, peserta didedahkan dengan:

- Pengenalan GNSS & UAS
- Sistem koordinat dan unjuran peta
- Prosedur pengoperasian UAS
- Pemprosesan data GNSS & UAS
- Latihan amali lapangan dan pemetaan

Komitmen, perkongsian ilmu serta pengalaman daripada para tenaga pengajar telah banyak membantu menjayakan kursus ini dan memberi manfaat besar kepada semua peserta.

Semoga program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang dalam memperkukuhkan lagi pembangunan teknologi geospasial, UAS dan *precision farming* di Malaysia.





# BUP

## UKE07/26: Kursus Dalam Talian: Pengukuran Strata dan Prosedur Kerja

**TARIKH** : 12-13 Mei 2026

**TEMPAT** : Secara Atas Talian

**RINGKASAN PROGRAM** :

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan kefahaman tentang pengukuran dan semakan strata bagi pengeluaran hakmilik strata. Semoga dengan penganjuran kursus ini dapat memberi manfaat dan membantu dalam melaksanakan proses kerja semasa yang berkuatkuasa di samping dapat meningkatkan kemahiran diri dan pengetahuan secara amnya.

Secara keseluruhan, kursus ini berjalan dengan lancar. Slaid pembentangan, nota dan video kursus yang telah disediakan dapat membantu para peserta untuk lebih faham dengan lebih jelas terhadap apa yang disampaikan oleh penceramah kursus.

Berdasarkan penilaian, para peserta berpuas hati dengan pengisian kursus dari aspek slot ceramah dan penyediaan bahan kursus. Segala cadangan dan usul yang telah dimaklumkan oleh para peserta akan dipertimbangkan dan penambahbaikan akan dilakukan pada masa akan datang bagi melicinkan perjalanan kursus.



## BUP

### UK02/26: Kursus Penggunaan Alat Total Station dan Pelarasan Pengukuran – Siri 1

**TARIKH** : 19-21 Mei 2026

**TEMPAT** : INSTUN

**RINGKASAN PROGRAM** :

Kursus Penggunaan Alat *Total Station* dan Pelarasan Pengukuran – Siri 1 telah berlangsung pada 19-21 Mei 2026 (3 hari). Seramai 27 orang peserta kursus telah berjaya menghadiri kursus ini.

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan meningkatkan kemahiran peserta dalam penggunaan alat *Total Station* serta melaksanakan pelarasan pengukuran dengan tepat dan berkesan. Semoga dengan penganjuran kursus ini dapat memberi manfaat dan membantu dalam melaksanakan proses kerja semasa yang berkuatkuasa serta dapat meningkatkan kemahiran diri dan pengetahuan secara amnya.

Secara keseluruhan, kursus ini berjalan dengan lancar. Slaid pembentangan, nota dan video kursus yang telah disediakan dapat membantu para peserta untuk lebih faham dengan lebih jelas terhadap apa yang disampaikan oleh penceramah kursus.

Berdasarkan penilaian, para peserta berpuas hati dengan pengisian kursus dari aspek slot ceramah dan penyediaan bahan kursus. Segala cadangan dan usul yang telah dimaklumkan oleh para peserta akan dipertimbangkan dan penambahbaikan akan dilakukan pada masa akan datang bagi melicinkan perjalanan kursus.



# BUP

## Sesi Perbincangan Semakan Semula Job Description (JD) BUP Tahun 2026

**TARIKH** : 21 Mei 2026

**TEMPAT** : Pusat Kecemerlangan Ukur Kadaster (PKUK)

**RINGKASAN  
PROGRAM** :

Sesi perbincangan ini dibuat melibatkan pegawai pengurusan dan profesional BUP untuk menyemak semula JD masing-masing dan akan disusuli kepada pegawai kumpulan sokongan.



## BUP

### **Mesyuarat Tapak RPTO Bil. 1/2026 INSTUN** **Balai Cerap Tan Sri Harussani, INSTUN**

**TARIKH** : 25 Mei 2026

**TEMPAT** : Balai Cerap Tan Sri Harussani (THSO)

**RINGKASAN  
PROGRAM** :

Mesyuarat ini telah diadakan bersama JKR Muallim di Balai Cerap Tan Sri Harussani, INSTUN bagi membincangkan perkara berkaitan projek pembinaan tapak latihan ujian dan perolehan peralatan *Unmanned Aircraft System* (UAS) bagi menyokong penubuhan *Remote Pilot Training Organization* (RPTO) dan dihadiri oleh Pengarah INSTUN serta Ketua Bahagian Ukur dan Pemetaan.



# Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah (BPPT)

## Kursus Pengurusan Notis di Bawah Perundangan Tanah

**TARIKH** : 11 hingga 12 Mei 2026

**TEMPAT** : Pejabat Daerah dan Tanah Kulai, Johor

**RINGKASAN  
PROGRAM** :

Pengurusan Notis sehinggalah tatacara penghantaran notis merupakan salah satu tugas yang amat kritikal di pentadbiran tanah. Hal ini adalah kerana, kecuaiian dalam prosedur ini akan mengakibatkan kesan dan kesilapan teknikal yang boleh dipertikai di Mahkamah. Justeru, atas kepentingan ini PDT kulai telah menjemput tenaga penceramah INSTUN bagi menambah pengetahuan dan meningkatkan kemahiran anggota PDT Kulai berkaitan undang-undang yang terkait dengan pengurusan notis. Semoga perkaongsian dari tenaga pengajar INSTUN bermanfaat dan menjadi panduan kepada anggota PDT Kulai.



# BPPT

## Kursus Prosedur Pelupusan Tanah: Akta, Peraturan dan Garis Panduan Anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

**TARIKH** : 12 hingga 14 Mei 2026

**TEMPAT** : Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Institut Latihan Pegawai Awam (ILPA), Ipoh, Perak

**RINGKASAN PROGRAM** :

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak terus memberi kepercayaan kepada Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN), dalam pembangunan kompetensi dan kapasiti anggota pentadbiran SUK Perak berkaitan pentadbiran dan perundangan tanah. Justeru, Kursus pada kali ini memberi fokus kepada Pelupusan Tanah yang merupakan asas kepada urusan tanah. Empat (4) orang penceramah termasuk seorang penceramah dari Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP) INSTUN telah diberi kepercayaan untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman kepada para peserta. Semoga segala perkongsian memberi manfaat kepada para peserta.



**Kursus Asas Pemilikan Tanah**

**TARIKH** : 18 hingga 19 Mei 2026

**TEMPAT** : Lembaga Air Perak, Menara Air Perak, Ipoh, Perak

**RINGKASAN PROGRAM** :

Lembaga Air Perak merupakan sebuah jabatan atau Badan Berkanun yang ditubuhkan di bawah kerajaan Negeri Perak bagi tujuan seliaan urusan air di negeri Perak. Berdasarkan fungsi tersebut, LAP banyak berurusan dengan pemilik tanah dan LAP sendiri banyak menguruskan tanah-tanah milik LAP dan menyelenggara tanah-tanah yang dirizabkan bagi tujuan penyediaan kemudahan air kepada rakyat. Justeru, satu kursus khas telah disempurnakan atas permohonan pihak LAP yang memberi fokus kepada aspek pelupusan tanah bagi tujuan dan maksud awam seterusnya urusan-urusan yang berkaitan ke atas tanah. Platform perkongsian juga telah dimanfaatkan bagi mendapatkan penjelasan serta panduan bagi isu-isu yang berbangkit. Semoga segala urusan anggota LAP dipermudahkan atas asbab memberi perkhidmatan kepada rakyat.



# BPPT

## Kursus Pindah Milik Tanah (Keperluan Dan Prosedur) dan Kursus Tanah Rizab Melayu (Apa Yang Boleh dan Tidak Boleh) bagi Pejabat Daerah dan Tanah Pendang

**TARIKH** : 19 hingga 20 Mei 2026

**TEMPAT** : Pejabat Daerah dan Tanah Pendang, Kedah

**RINGKASAN PROGRAM** :

Pejabat Daerah dan Tanah Pendang sekali lagi menjemput tenaga pengajar INSTUN bagi berkongsi pengetahuan dan pengalaman berkaitan pentadbiran dan perundangan tanah kepada anggota pentadbirannya. Pada tahun 2026 ini, perkongsian memfokuskan kepada hak dan tanggungjawab yang terkait dengan pemilikan tanah serta urusan-urusan berkaitan tanah Rizab Melayu. Terima kasih atas kepercayaan berterusan PDT Pendang kepada INSTUN.




## Kursus Dalam Talian: Lot Lidi – Implikasi kepada Pembeli (TKE06/26)

**TARIKH** : 19 Mei 2026

**TEMPAT** : Dalam Talian Google Meet

**RINGKASAN PROGRAM**

Kursus ini telah dihadiri seramai 53 orang pegawai dari pelbagai agensi negeri di Semenanjung Malaysia. Objektif kursus meningkatkan pengetahuan dan kefahaman berkaitan dengan implikasi Lot Lidi kepada pembeli. Penceramah oleh Puan Yati binti Musa dari JKPTG Putrajaya.



# BPPT

## Kursus Pengurusan Harta Pusaka di bawah Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (TL10/26)

**TARIKH** : 19 – 22 Mei 2026

**TEMPAT** : Pusat Kecemerlangan Pembangunan Tanah

**RINGKASAN PROGRAM** :

Kursus ini telah dihadiri seramai 50 orang peserta daripada Pejabat Pembahagian Pusaka Ibu Pejabat dan Negeri.

Penceramah Jemputan

1. En. Saifuldin bin Aziz @ Abdul Aziz
2. En. Mohamad Azizul Haqim bin Ramli
3. Pn. Nor Haslina binti Hussain
4. Pn. Maszura binti Mohamad
5. En. Muhd Roshasanul Isyraf bin Abd Wahid
6. Tn. Hj. Mohd Zaki bin Md Noh
7. En. Rosli bin Nordin



# BPPT

## **Kursus Khas Tanah Bagi Anggota Pentadbiran Tanah: Penolong Pegawai Tanah Bilangan 1**

**TARIKH** : 4 – 15 Mei 2026

**TEMPAT** : INSTUN

**RINGKASAN  
PROGRAM** :

Kursus ini telah dihadiri seramai 33 orang daripada penolong pegawai tanah persekutuan dan negeri. Objektif kursus ini bagi Meningkatkan kemahiran dan kefahaman berkaitan Urusan Pentadbiran Tanah.



## **Kursus Pengurusan Notis Di Bawah Perundangan Tanah (TL16/26)**

**TARIKH** : 19 – 21 Mei 2026

**TEMPAT** : Pusat Kecemerlangan Geomatik, Blok Akademik C, INSTUN

**RINGKASAN  
PROGRAM** :

Kursus ini telah dihadiri seramai 31 orang pegawai dari pelbagai agensi negeri di Malaysia. Objektif kursus untuk memberi pengetahuan dan kemahiran dalam Tatacara Penghantaran Notis.

Isi kandungan :

- Keperluan Notis menurut Perspektif Perundangan Tanah
- Jenis-jenis Notis di bawah KTN dan AHS 1985 dan Tatacara Penyampaianya
- Jenis-jenis Notis di bawah APT 1960 dan Tatacara Penyampaianya
- Jenis-jenis Notis di bawah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 dan Tatacara Penyampaianya
- Peranan dan Tanggungjawab Penghantar Notis
- Latih Amal



## Kursus Dalam Talian : Kursus Pentadbiran Tanah Negeri Sabah

**TARIKH** : 13 – 14 Mei 2026


**TEMPAT** : Dalam Talian

**RINGKASAN PROGRAM** :

Kursus ini telah dihadiri seramai 29 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan pelbagai Kementerian/ Jabatan.

Kandungan kursus ini merangkumi tajuk berikut:

- Pengambilan Dan Penilaian Tanah
- Pemberimilikan Tanah
- Hak Tanah Adat Negeri Sabah
- Pembangunan Dan Penguasaan Tanah
- Pendaftaran Dan Urusniaga Hakmilik
- Pengukuran Tanah



# Bahagian Teknologi Maklumat (BTM)

## Kursus Atas Talian : Kursus Pengenalan MyLand (TME03/26)

**TARIKH** : 5 Mei 2026

**TEMPAT** : Dalam Talian, Institut Tanah Dan Ukur Negara

**RINGKASAN PROGRAM**

Kursus Atas Talian : Kursus Pengenalan MyLand merupakan salah satu kursus anjuran Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) yang terdapat dalam perancangan takwim latihan INSTUN bagi tahun 2026. Kursus ini dilaksanakan selama tiga (1) hari, iaitu pada 5 Mei 2026.

Kursus ini telah melibatkan seramai 90 orang peserta berdaftar yang melibatkan Pegawai dan Kakitangan di pelbagai Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ Badan Berkanun dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC). Terbuka Kepada JKPTG Ibu Pejabat dan JKPTG Negeri. Mereka telah memberikan sepenuh komitmen dan menunjukkan kesungguhan yang tinggi dari awal kursus berlangsung sehingga kursus tamat. Kursus ini dilaksanakan secara atas talian yang melibatkan penyampaian teori secara ceramah dan latih amal (hands-on lab) yang turut disertai oleh semua peserta dengan bimbingan Penceramah.

Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan fungsian-fungsian am yang disediakan di portal sistem myland.

Tahniah dan syabas serta ribuan terima kasih diucapkan kepada penceramah dari Bahagian Digitalisasi dan Pentadbiran Tanah (BDPT) Putrajaya, Puan Nurul Afzan binti Idris dan Cik Norkamisah binti Abdullah, barisan Urus Setia dari Bahagian Teknologi Maklumat INSTUN serta semua peserta kursus yang telah menjayakan kursus ini.





# BTM

## TME05/26 | Kursus Dalam Talian: Sistem Myland - Modul Online Kementerian/Jabatan Pengguna (KJP)

**TARIKH** : 21 Mei 2026

**TEMPAT** : Dalam Talian

**RINGKASAN  
PROGRAM** :

Kursus ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan menyeluruh dan meningkatkan kefahaman para peserta mengenai fungsian serta tatacara permohonan urusan tanah persekutuan menggunakan sistem secara dalam talian. Secara keseluruhannya, kursus telah berjalan dengan lancar. Melalui bimbingan daripada Encik Ahmad Shahrizal, seramai 56 orang peserta kini dilengkapi dengan pengetahuan digital yang diperlukan bagi melancarkan lagi urusan pentadbiran dan permohonan tanah persekutuan di agensi masing-masing.



# **Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (BPP)**

## **Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) INSTUN Bilangan Tahun 2026**

**TARIKH** : 22 Mei 2026

**TEMPAT** : Bilik Mesyuarat Melati, Wisma INSTUN

**RINGKASAN PROGRAM** :

Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) INSTUN Bilangan 1 Tahun 2026 telah berjaya dilaksanakan pada 22 Mei 2026 (Jumaat) bertempat di Bilik Mesyuarat Melati, Wisma INSTUN. Mesyuarat yang penting ini telah dipengerusikan secara langsung oleh Pengarah INSTUN, Tuan Khairin Nazry bin Karim. Sesi ini turut dihadiri oleh semua Ketua Bahagian serta wakil-wakil bahagian INSTUN bagi memastikan penglibatan menyeluruh dalam struktur pengurusan organisasi.

Fokus utama mesyuarat ini adalah untuk mengkaji semula pencapaian dasar dan objektif kualiti, menilai prestasi semasa organisasi, serta membincangkan maklum balas pelanggan bagi memantapkan lagi sistem perkhidmatan. Selain itu, platform ini turut digunakan untuk meneliti status tindakan pembetulan daripada penilaian lalu dan membincangkan ruang penambahbaikan berterusan (continual improvement) demi memacu kecemerlangan INSTUN sepanjang tahun 2026. Secara keseluruhannya, mesyuarat ini telah berjalan dengan lancar dan mencapai objektif yang ditetapkan. Komitmen padu yang ditunjukkan oleh Tuan Pengarah serta seluruh barisan kepimpinan dan wakil bahagian mencerminkan kesungguhan INSTUN dalam mengekalkan standard pengurusan kualiti yang tinggi dan berintegriti.





# **Bahagian Pentadbiran dan Kewangan (BPK)**

## **Bengkel Penggunaan Sistem Pengurusan Fasiliti Bersepadu (MyINFRA) Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) Tahun 2026**

**TARIKH** : 20 hingga 22 Mei 2026

**TEMPAT** : Bilik Latihan NRES, Aras 1, Blok F11, Kompleks F, Putrajaya

**RINGKASAN  
PROGRAM** :

Unit Pengurusan Fasiliti (UPF), Seksyen Pentadbiran telah menghadiri Bengkel Penggunaan Sistem Pengurusan Fasiliti Bersepadu (MyINFRA) anjuran Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES). Sesi bengkel ini dihadiri seramai lima (5) orang wakil INSTUN iaitu Ketua Seksyen Pentadbiran, Ketua Unit Pengurusan Fasiliti (UPF), pembantu tadbir (mystep) dan dua (2) orang pembantu kemahiran.

Tujuan lawatan ini diadakan adalah bagi memberi pendedahan dan kefahaman kepada pegawai yang terlibat mengenai penggunaan Sistem Pengurusan Fasiliti Bersepadu (MyINFRA) khususnya dalam menguruskan aset tak alih milik kerajaan selaras dengan pekeliling yang berkuat kuasa.



# BPK

## **Bengkel Keselamatan dan E-Vetting 3.0 Serta Pembukaan Akaun/Permohonan Tapisan Keselamatan Kakitangan dan Kontraktor di Institut Tanah Dan Ukur Negara (INSTUN)**

**TARIKH** : 20 hingga 22 Mei 2026

**TEMPAT** : Bilik Latihan NRES, Aras 1, Blok F11, Kompleks F, Putrajaya

**RINGKASAN PROGRAM** :

Seksyen Keselamatan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah berjaya menganjurkan Bengkel Keselamatan dan e-Vetting 3.0 serta Pembukaan Akaun/Permohonan Tapisan Keselamatan Kakitangan dan Kontraktor di Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) pada 9 Jun 2026 (Selasa) di Pusat Kecermelangan Teknologi Maklumat 1, Akademik B, INSTUN. Secara keseluruhannya, program ini telah disertai seramai dua puluh tiga (25) orang peserta yang terdiri daripada Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, Seksyen Pentadbiran, Unit Khidmat Pengurusan, Kontraktor dan dan turut dibantu seramai tiga (3) orang urus setia daripada Seksyen Keselamatan serta dua (2) orang jemputan penceramah dan fasilitator dari Bahagian Keselamatan Personel, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri iaitu penceramah Tuan Badrul Azhar bin Azni, Penolong Pegawai Keselamatan dan Encik Meor Khairol Nizam bin Abdul Aziz, Pembantu Keselamatan sebagai fasilitator.



**Kerja Pemindahan Aset Alih di sekitar INSTUN**

**TARIKH** : 8 dan 19 Mei 2026

**TEMPAT** : Sekitar INSTUN

**RINGKASAN PROGRAM** :

Seksyen Pentadbiran melaksanakan kerja-kerja pemindahan aset di sekitar INSTUN bagi mewujudkan ruang kerja yang selesa dan meningkatkan kapasiti penggunaan setiap aset sedia ada pada tahap optimum.



# BPK

## Sesi Pemeriksaan Aset

**TARIKH** : Sepanjang bulan Mei

**TEMPAT** : Sekitar INSTUN

**RINGKASAN PROGRAM** :

Pegawai Pemeriksa Aset Alih Kerajaan (PPAAK) melaksanakan tugas pemeriksaan aset di sekitar INSTUN bagi menyemak dan mengenalpasti keadaan aset di lokasi.



## **Sesi Semakan SKU INSTUN 2026**

**TARIKH** : 12 Mei 2026

**TEMPAT** : Pusat Kecemerlangan Multimedia (PKMM), INSTUN

**RINGKASAN PROGRAM** :

Sesi Semakan Sasaran Kerja Utama (SKU) INSTUN 2026 telah diadakan bagi menilai pencapaian semasa, menyemak kemajuan pelaksanaan program dan aktiviti yang dirancang serta memastikan sasaran yang ditetapkan selaras dengan hala tuju strategik organisasi. Sesi ini turut menjadi platform untuk mengenal pasti cabaran pelaksanaan, membincangkan cadangan penambahbaikan serta menyelaraskan tindakan susulan bagi memastikan setiap sasaran dan petunjuk prestasi dapat dicapai dengan lebih berkesan. Melalui sesi ini, komitmen dan kerjasama semua bahagian diperkukuhkan dalam usaha memastikan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan serta pencapaian objektif INSTUN bagi tahun 2026.



# BULETIN INSTUN

Rekabentuk oleh :  
Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan



**INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN)**  
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam  
Behrang Ulu, 35950 Tanjong Malim,  
Perak Darul Ridzuan  
Tel : 05 - 454 2825 Faks : 05 - 454 2837  
[www.instun.gov.my](http://www.instun.gov.my)

eISSN 3120-3302



9 773120 330005